

28/01/2002

416 lagi RT akan diwujudkan

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan mewujudkan Rukun Tetangga (RT) di 416 lagi kawasan, termasuk di bandar utama yang dikenal pasti berisiko tinggi berlakunya konflik masyarakat.

Timbalan Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Ahmad Salleh Sarif, berkata kawasan berkenaan khususnya yang ada kepadatan penduduk tinggi, memerlukan RT bagi memantapkan perpaduan masyarakat.

Justeru, beliau meminta semua pihak, khususnya masyarakat setempat dan pihak swasta, membantu kerajaan menjayakan program itu yang membabitkan kos tinggi dan iltizam peserta.

"Kerjasama pelbagai pihak termasuk swasta dan masyarakat setempat penting bagi memastikan RT berfungsi dengan baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Kebajikan Yayasan Kebajikan Phoenix 2002 di Plaza Mont Kiara di sini, hari ini.

Beliau mengulas saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya lebih banyak RT ditubuhkan, terutama di kawasan berisiko tinggi berlakunya konflik masyarakat.

Perdana Menteri ketika berucap pada majlis Mega Perpaduan 2002 semalam, berkata RT sebagai antara institusi sosial yang menjana semangat perpaduan perlu diperluas khidmatnya bagi melahirkan masyarakat harmoni dan sejahtera.

Ahmad berkata, kini kira-kira 2,000 RT sudah diwujudkan di seluruh negara yang berperanan meningkatkan hubungan kejiwaan antara penduduk berbilang bangsa di sesuatu kawasan.

Beliau berkata, selain di kawasan perumahan biasa, RT juga diwujudkan di kawasan setinggan.

"Kementerian berpuas hati dengan prestasi RT di seluruh negara dan kejayaan sesebuah RT lazimnya bergantung kepada kepimpinan yang baik," katanya sambil menambah kementeriannya sentiasa memantau fungsi dan kegiatan RT.

(END)